

01/11/1999

20 akaun induk perlu dibekukan

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Ahad - Dua puluh akaun induk bank berjumlah RM3 bilion yang didakwa dimiliki Datuk Seri Anwar Ibrahim, perlu dibekukan jika ada peraturan dan peruntukan undang-undang yang membolehkan berbuat demikian.

Selain itu, siasatan lebih mendalam juga wajar diadakan bagi mengetahui aliran keluar masuk wang dalam akaun itu untuk membolehkan kerajaan mengetahui punca wang dan penerimanya.

Langkah itu juga dapat membantu kerajaan mengenal pasti ejen bergerak di belakang akaun terbabit yang bertentangan dengan kepentingan nasional.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata pendedahan yang dilakukan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, berhubung perkara itu, tidak boleh dipandang ringan, sebaliknya ia mendedahkan perilaku sebenar Anwar dalam usahanya mencapai cita-cita politiknya.

Menurutnya, secara peribadi, beliau sendiri pernah menjadi mangsa Anwar yang cuba menjatuhkannya, apabila Anwar memberi sokongan dan habuan kepada kroninya untuk mengambil alih jawatan di peringkat bahagian Umno di Kelantan yang dipegangnya.

Katanya, kejadian seumpama itu berlaku beberapa kali terhadap dirinya apabila secara mendadak orang tertentu yang rapat dengan Anwar, cuba merebut jawatan di bahagian berkenaan, dengan menggunakan wang.

"Pendedahan ini menunjukkan modus operandi Anwar dan ini membuktikan dia merancang dengan teliti untuk menjatuhkan kepimpinan yang ada, malah usahanya itu turut membabitkan penyertaan pihak luar.

"Kita dukacita kerana Anwar menggunakan Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) dengan perbelanjaan yang besar untuk menaikkan imejnya, malah sekarang kita faham mengapa dialog APPC yang jelas mengheret negara kita supaya pro kepada negara tertentu dan kuasa tertentu itu, hanya diadakan di Malaysia.

"Tindakan Anwar disifatkan sebagai penderhaka kerana dia membuka pintu supaya negara dikongkong ejen antarabangsa dan ia bertentangan dengan seruan sebelum ini yang meminta rakyat mempertahankan maruah diri serta kemerdekaan bangsa dan negara," katanya di sini hari ini.

Annuar berkata, tindakan media asing yang menyokong Anwar dan menentang kepemimpinan negara terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, tidak menghairankan kerana wakil ejen media terbabit termasuk Far Eastern Economic Review (FEER), turut menganggotai jawatankuasa APPC berkenaan.

"Sebenarnya ini adalah konspirasi di peringkat tertinggi membabitkan Anwar dan pihak luar untuk menjatuhkan Perdana Menteri, sekaligus dapat mencapai cita-cita politik peribadinya.

"APPC dibiayai secara gelap oleh Anwar untuk menjalankan kegiatan antinasional dan pendedahan Murad bukan satu plot, sebaliknya ia dilakukan secara bertanggungjawab mengikut peraturan dan undang-undang," katanya.

Menurutnya, Anwar lebih mementingkan kuasa peribadi dan sanggup diperangkap negara barat yang ingin menggunakannya bagi mempengaruhi dasar negara ini.

Katanya, jika Anwar kekal dalam Kabinet, APPC mungkin terus mempengaruhi pentadbiran negara dan gerakan politik untuk merombak Umno dari dalam, supaya menyokong Anwar.

(END)